

Muhyiddin dapat passport hadir konvo cucu di London

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin boleh ke London bagi menghadiri majlis graduasi cucunya selepas Mahkamah Seksyen di sini semalam membenarkan permohonan beliau untuk mendapatkan passport antarabangnya.

Hakim Rozina Ayob membenarkan passport bekas Perdana Menteri itu diserahkan kembali selepas Timbalan Pendakwa Raya Nor Asma Ahmad memaklumkan pihaknya tidak membantah permohonan tersebut.

Mahkamah mengarahkan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu memulangkan passport tersebut pada atau sebelum 20 Ogos.

Terdahulu, peguam Datuk Seri K. Kumaraendran yang mewakili Muhyiddin memberitahu mahkamah bahawa anak guamnya akan bertolak ke London pada 19 Julai dan dijangka kembali ke Malaysia pada 15 Ogos.

Ditanya mengapa tertuduh mahu mendapatkan pasportnya awal, Kumaraendran berkata, ia bagi membolehkan tertuduh mendapatkan pelepasan daripada Jabatan Imigresen (JIM) terlebih dahulu.

Berdasarkan affidavit yang menyokong permohonan itu, Pengerusi Perikatan Nasional (PN) tersebut berkata, beliau dan isteri akan menghadiri majlis graduasi cucu perempuan sulung mereka pada 23 Julai di Royal Festival Hall, Southbank Centre, London.

Beliau berkata, cucunya itu

berjaya menamatkan pengajian kelas pertama dalam Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Pentadbiran Perniagaan) di University of Westminster.

“Saya ingin menghadiri majlis graduasi cucu saya kerana ia merupakan satu majlis sekali dalam seumur hidup dan saya ingin menyaksikan dan mengiktiraf kejayaan cucu saya.

“Cucu saya juga sudah menyatakan hasratnya untuk saya dan isteri dapat bersama-sama hadir ke majlis graduasinya untuk menyaksikan pencapaiannya,” katanya.

Pada prosiding sama, Rozina menetapkan 30 Ogos ini untuk pendengaran permohonan Muhyiddin bagi menanggukkan kes menyalahgunakan kedudukan dan perubahan wang haram yang dihadapi beliau.

Ia bagi menunggu permohonan semakan keputusan oleh panel hakim di Mahkamah Rayuan.

Muhyiddin berdepan dua pertuduhan menerima RM195 juta dhasil aktiviti haram daripada Bukhary Equity Sdn. Bhd. yang dimasukkan ke akaun CIMB Bank milik parti Bersatu di CIMB Bank Cawangan Menara KL, Jalan Stesen di sini, antara 25 Februari dan 16 Julai 2021 serta 8 Februari dan 8 Julai 2022.

Ahli Parlimen Pagoh itu dihadapkan ke Mahkamah Seksyen Shah Alam pada 13 Mac tahun lepas atas pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM5 juta.